

WAR 13 UNDANG-UNDANG HALAL MALAYSIA: ISU DAN CABARAN

Norazla Abdul Wahab, Farah Mohd. Shahwahid, Nor'Adha Ab. Hamid, Surianom Miskam, Syaripah Nazirah Syed Ager, Marliana Abdullah, Norziah Othman & Wawarah Saidpudin.

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

norazla@kuis.edu.my, farahms@kuis.edu.my, noradha@kuis.edu.my,
surianom@kuis.edu.my, nazirah@kuis.edu.my, marliana@kuis.edu.my,
norziah@kuis.edu.my & wawarah@yahoo.com.

ABSTRAK

Pertumbuhan pesat industri halal di Malaysia turut membawa kepada perkembangan undang-undang halal di negara ini. Akta Perihal Dagangan 2011, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 telah memperkemas lagi undang-undang berkaitan halal di Malaysia. Selain itu terdapat beberapa undang-undang yang secara tidak langsung mengandungi peruntukan berkaitan halal seperti Akta Makanan 1983, Peraturan Makanan 1985, Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Peraturan Haiwan 1962, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Kastam 1967, serta Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri. Artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti beberapa isu dan cabaran undang-undang Halal Malaysia. Bagi menjalankan kajian ini, analisis telah dibuat terhadap peruntukan perundangan dalam beberapa akta Malaysia yang berkaitan dengan industri halal. Temu bual mendalam separa struktur juga telah dilakukan terhadap dua badan yang terlibat dalam industri halal iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan *Halal Industry Development Corporation* (HDC). Hasil kajian mendapati walaupun undang-undang berkaitan makanan dan produk halal di Malaysia diletakkan di bawah akta yang berbeza-beza, namun peruntukan tersebut dilihat sudah mencukupi. Selain itu terdapat beberapa isu perundangan halal Malaysia yang perlu diberi perhatian seperti pertindanan bidang kuasa di antara agensi kerajaan, penyalahgunaan tanda halal sebagai kesalahan jenayah syariah, penguatkuasaan undang-undang halal dan penggubalan Akta Halal Malaysia. Hasil kajian ini adalah signifikan dalam mencadangkan penambahbaikan undang-undang sedia ada mengenai makanan dan produk halal di Malaysia.

Kata kunci: Undang-undang Halal, Peruntukan Undang-undang, Isu, Cabaran

LATAR BELAKANG

Industri halal kini semakin mendapat permintaan tinggi bukan sahaja di Malaysia tetapi di beberapa buah negara seluruh dunia (Mustafa & Azlin, 2014). Ini berikutan jumlah penduduk dunia yang dijangka meningkat (Zulkifli, 2007; Mohd Al'ikhsan & Siti Salwa, 2015) dengan lebih 57 buah negara di dunia yang mempunyai penduduk majoriti Muslim (Zulkifli, 2007). Rata-rata masyarakat dunia kini semakin memahami konsep halal yang dibawa oleh Islam yang bersifat universal serta komprehensif dan bukan bersifat ritual keagamaan semata-mata (Baharudin, 2014).

Undang-undang halal Malaysia berkembang seiring dengan pertumbuhan pesat industri halal di negara ini. Peruntukan berkaitan halal di Malaysia telah ditadbir di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (Zalina & Siti, 2015; Norazilawati, 2015; Zalina & Siti, 2014; Liziana & Mariam, 2014). Selain itu terdapat beberapa perundangan lain yang dirujuk berkaitan halal seperti Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011, Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Akta Makanan 1983, Peraturan Makanan 1985, Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Peraturan Haiwan 1962, Perintah Binatang (Pengimportan) 1962, Akta Rumah Penjualan (Penswastaaan) 1993, Akta Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran) 1983, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Kastam 1967, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri dan beberapa akta lagi.

Beberapa standard piawaian dan prosedur halal turut diperkenalkan di Malaysia bagi membantu pihak industri mematuhi garis panduan halal secara menyeluruh seperti Manual Prosedur Halal Malaysia (*Manual Procedure of Halal Certification Malaysia*), *MS 1500:2009 Halal Food-Production, Preparation, Handling and Storage-General Guidelines (Second Revision)*, *MS 2200-1:2008 Islamic Consumer Goods-Part 1: Cosmetic and Personal Care-General Guidelines*, *MS 2400-1:2010 Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline-Part 1: Management System Requirements for Transportation of Goods and/or Cargo Chain Services*, dan *MS 2400-2:2010 Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline-Part 1: Management System Requirements for Warehousing and Related Activities* (Ahmad & Zulzaidi, 2012).

Sejak tahun 1974 lagi, JAKIM telah terlibat dalam memberi pengesahan status halal kepada produk makanan dan barangan guna Islam di Malaysia. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri (MAIN/JAIN) selaku badan autoriti yang dipertanggungjawabkan dalam urusan halal di Malaysia (Liziana & Mariam; Mustafa & Azlin, 2014) turut mendapat kerjasama dari agensi-agensi kerajaan lain dalam menguatkuasakan undang-undang halal seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Standard Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (KDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Zulkifli, 2007). Selain itu, terdapat kerjasama yang erat dengan *Halal Industry Development Corporation* (HDC) atau turut dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Halal dalam membangunkan industri halal di Malaysia seiring dengan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju hab halal antarabangsa.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti beberapa isu dan cabaran undang-undang Halal Malaysia seterusnya mencadangkan penambahbaikan undang-undang sedia ada mengenai makanan dan produk halal di Malaysia pada masa hadapan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk analisis data. Analisis awal telah dilakukan dengan melihat peruntukan perundangan di dalam beberapa akta yang berkaitan dengan industri halal di Malaysia. Transkrib temu bual mendalam separa struktur dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan *Halal Industry Development Corporation* (HDC) turut dianalisis bagi menjawab beberapa isu dalam perundangan halal di Malaysia. Walau bagaimanapun analisis ini tidak merangkumi standard piawaian dan prosedur yang digunapakai dalam pensijilan halal Malaysia, juga terhadap kepada beberapa akta utama serta membincangkan beberapa isu

sahaja. Temu bual yang dijalankan juga adalah terhadap dua badan utama yang terlibat dalam industri halal di Malaysia iaitu JAKIM dan HDC.

SOROTON LITERATUR

Isu perundangan halal telah banyak dibincangkan dalam kajian terdahulu. Kebanyakan kajian awal telah mengupas fungsi Akta Perihal Dagangan 1972 sebagai undang-undang yang paling awal digubal berhubung aspek halal di Malaysia (Zalina,2004; Zulkifli,2009; Zalina 2008; Zalina & Siti,2014; Zalina & Siti,2015). Akta ini berfungsi untuk memberi perlindungan kepada pengguna dari segala bentuk amalan perdagangan tidak sihat yang merangkumi penandaan barangan, tanda harga, kesalahan dan hukuman serta bidang kuasa dari aspek penguatkuasaan (Zulkifli, 2007; Liziana & Mariam, 2014). Cubaan pertama untuk menakrifkan perkataan halal', 'makanan orang Islam' dan 'ditanggung halal' telah diperuntukkan di dalam seksyen 3, Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975 iaitu salah satu regulasi yang telah digubal di bawah Seksyen 10 Akta Perihal Dagangan 1972 (Zalina, 2004).

Antara isu yang dibincangkan ialah mengenai kelemahan Akta Perihal Dagangan 1972 yang dilihat tidak dapat menyelesaikan beberapa perkara berkaitan definisi halal, pensijilan dan logo halal, penguatkuasaan undang-undang halal, penalti atau hukuman yang dikenakan terhadap pemilik premis atau penguasaha produk halal tersebut serta fungsi dan bidangkuasa JAKIM yang dilihat sangat terhad (Zalina,2004; Zulkifli,2007; Zalina,2008). Selepas Akta Perihal Dagangan 1972 dimansuhkan, penambahbaikan undang-undang telah dibuat di dalam Akta Perihal Dagangan 2011 (Ahmad & Zulzaidi, 2012 ; Liziana & Mariam, 2014; Mustafa et al.,2013; Mustafa & Azlin,2014; Zalina & Siti,2014; Harlida & Alias, 2014; Zalina & Siti,2015). Penggubalan Akta Perihal Dagangan 2011 berserta undang-undang subsidiari seperti Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 telah memperkemas lagi undang-undang berkaitan halal di Malaysia (Zalina & Siti,2014; Harlida & Alias,2014; Liziana & Mariam, 2014).

Selain itu Akta Makanan 1983 turut dibincangkan dalam menjelaskan konsep *halalan Tayyiban* dalam kerangka perundangan Malaysia (Zulkifli, 2007; Harlida & Alias, 2014). Isu berkaitan perlindungan pengguna turut diberi perhatian dalam kajian lepas terutamanya dalam isu pelabelan dan logo halal (Zulkifli,2007; Mustafa et al.,2013; Mustafa & Azlin,2014). Begitu juga standard piawaian halal sebagai garis panduan yang praktikal bagi industri makanan terutamanya dalam penyediaan dan pengendalian makanan halal atau peraturan asas produk makanan serta perdagangan atau perniagaan makanan (Mohd Al'Ikhsan & Siti, 2014; Mohd Al'Ikhsan & Siti, 2015).

Beberapa cadangan telah diusulkan dalam kajian lepas termasuklah cadangan untuk menggubal satu akta khas iaitu Akta Halal Malaysia bagi menambahbaik perundangan berkaitan halal selain meluaskan bidang kuasa JAKIM sebagai badan yang berautoriti dalam isu halal terutamanya dalam isu penguatkuasaan undang-undang dan pendakwaan (Zulkifli, 2007; Zalina,2008; Ahmad & Zulzaidi, 2012; Zalina & Siti,2014; Liziana & Mariam, 2014; Che Rosmawati et al.,2015). Menurut Zalina (2004), Malaysia merupakan negara pelopor utama industri halal berbanding negara-negara lain. Seharusnya Malaysia mesti dilihat ke hadapan dalam menangani isu-isu berkaitan industri halal dan penggubalan Akta Halal ini adalah perlu untuk jangka masa panjang (Liziana & Mariam, 2014).

PERBINCANGAN & HASIL KAJIAN

A) Undang-Undang Halal Malaysia

Terdapat lebih daripada 20 akta yang boleh dirujuk berkaitan halal di Malaysia (Che Rosmawati et al., 2015; Abdul Raufu, 2014). Namun perbincangan ini hanya akan melihat kepada beberapa akta utama seperti Akta Perihal Dagangan 2011, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011, Akta Makanan 1983 berserta Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan Peraturan Kebersihan Makanan 2009, Akta Binatang 1953(Semakan 2006), Perintah Binatang (Pengimportan) 1962, Akta Rumah Penjualan (Penswastan) 1993, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Kastam 1967, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Kanun Keseksan dan beberapa Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri.

Akta Perihal Dagangan 2011

Akta Perihal Dagangan 2011(APD 2011) digubal bagi menggantikan Akta Perihal Dagangan 1972. Akta ini terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Objektif utama APD 2011 adalah untuk menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu atau mengelirukan berhubung pembekalan barang dan perkhidmatan, serta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya (Mustafa et.al, 2013;Harlida & Alias,2014; Zalina & Siti,2014).

Menerusi Seksyen 28 dan 29 APD 2011, tiga perintah telah diwujudkan iaitu Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan dan Penandaan Halal) 2011(Ahmad & Zulzaidi, 2012). Ini bagi menggantikan dua perintah terdahulu iaitu Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975 dan Perintah Perihal Dagangan (Fi Penandaan Makanan) 1975. Seksyen 29 APD 2011 turut memberi ruang kepada pewujudan mekanisme institusi bagi mengurus dan mengendalikan hal ehwal berkaitan dengan pensijilan halal (Harlida & Alias, 2014) di mana Menteri boleh menamakan pihak berkuasa bagi memperaku, menandakan, membekalkan atau menawarkan sesuatu barangan termasuk yang berkaitan dengan pensijilan halal.

Pindaan APD 2011 telah memberi nafas baru kepada undang-undang halal Malaysia. Antaranya, penambahbaikan telah dilakukan terhadap definisi halal yang kini lebih menyeluruh serta penyeragaman sijil dan logo halal oleh pihak berwajib iaitu JAKIM dan MAIN/JAIN. Pindaan APD 2011 turut memperluaskan bidang kuasa pegawai JAKIM dalam aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap pengusaha yang menyalahgunakan logo halal pada produk mereka di mana pegawai JAKIM dan MAIN/JAIN akan dilantik sebagai Penolong Pegawai Perihal Dagangan yang diberi kad kuasa oleh KPDNKK (Liziana & Mariam, 2014). Hukuman yang dikenakan juga lebih berat sebagai pengajaran kepada syarikat atau pengusaha yang melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Perintah-Perintah tersebut (Liziana & Mariam, 2014; Zalina & Siti,2014).

JAKIM turut diberi kuasa pendakwaan sama seperti KPDNKK berbanding hanya menjadi saksi sebelum pindaan APD 2011 dibuat (Liziana & Mariam,2014). Pendakwaan ini akan dilakukan di mahkamah sivil berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah APD 2011 dan undang-undang sivil lain yang berkaitan (Liziana & Mariam, 2014). Pendakwaan yang dibuat di mahkamah sivil adalah lebih luas kerana bidang kuasanya meliputi orang Islam dan

bukan Islam malah hukuman yang dikenakan juga lebih berat berbanding dengan bidang kuasa yang ada pada mahkamah Syariah (Liziana & Mariam, 2014). Namun bagi kesalahan berkaitan produk halal yang dikategorikan sebagai kesalahan jenayah syariah, kuasa mendakwa adalah terletak kepada Ketua Pendakwa Syarie Negeri (Liziana & Mariam, 2014). Proses pendakwaan ini menjadi semakin mudah bagi pihak JAKIM apabila Perenggan 4(3) Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 memperuntukkan bahawa beban pembuktian adalah terletak kepada pihak yang dituduh (Liziana & Mariam, 2014) di mana pihak tertuduh perlu membuktikan bahawa mereka tidak melakukan kesalahan tersebut.

Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011

Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 (selepas ini disebut sebagai Perintah Takrif Halal) mengandungi peruntukan berkaitan dengan takrifan halal serta perkara yang menunjukkan kesalahan memperdaya dan mengelirukan serta penalti. Perenggan 3 telah mendefinisikan produk halal sebagai tidak mengandungi bahagian atau benda daripada binatang yang dilarang atau tidak disembelih mengikut hukum syarak dan fatwa, tidak mengandungi najis, tidak memabukkan, tidak mengandungi bahagian atau anggota manusia, tidak beracun atau memudaratkan kesihatan, tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan peralat yang dicemari najis, dan tidak bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa yang tidak halal ketika penyediaan, pemprosesan atau penyimpanan produk tersebut. Takrifan ini menepati konsep *halalan tayyiban* dan syariat Islam (Harlida & Alias, 2014). Malah takrifannya adalah lebih menyeluruh apabila mencakupi makanan, produk bukan makanan dan perkhidmatan berkaitan (Liziana & Mariam, 2014) berbanding Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975 yang terhad hanya kepada makanan.

Manakala Perenggan 4 Perintah Takrif Halal telah melarang sebarang bentuk representasi atau perbuatan yang boleh memperdaya atau mengelirukan sesuatu makanan itu sebagai halal atau boleh dimakan oleh orang Islam. Sebagai contoh premis tersebut menawarkan makanan, barang atau perkhidmatan yang tidak halal tetapi pekerjaannya memakai kopiah, songkok atau tudung seperti yang lazim dipakai oleh orang Islam atau meletakkan kalimah “Allah” dan “Bismillah” di restoran yang secara tidak langsung menggambarkan bahawa makanan yang disajikan adalah halal untuk pengguna Muslim (Harlida & Alias, 2014) walaupun hakikatnya adalah sebaliknya. Amalan tersebut boleh mengelirukan atau memperdayakan orang Islam terhadap status halal barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh premis tersebut (Harlida & Alias, 2014).

Sementara itu, hukuman yang boleh dikenakan terhadap syarikat yang melakukan kesalahan di bawah Perenggan 4 Perintah Takrif Halal adalah lebih berat iaitu denda tidak melebihi RM5 Juta dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya ialah tidak melebihi 10 juta. Hukuman bagi individu pula ialah denda tidak melebihi RM1 Juta dan boleh dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya ialah denda tidak melebihi 5 juta dan boleh dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011

Perenggan 3 Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 (selepas ini disebut sebagai Perintah Penandaan Halal) telah menamakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai agensi pensijilan halal yang berwibawa di Malaysia (Ahmad & Zulzaidi, 2012) dalam memperakukan sesuatu makanan, barangan atau perkhidmatan sebagai halal mengikut Perintah Takrif Halal 2011.

Peruntukan ini dilihat dapat menghalang penguasaha daripada menyalahgunakan sijil dan logo halal (Liziana & Mariam, 2014). Dengan penyeragaman penggunaan logo halal dapat memudahkan pengguna Islam memilih produk halal di pasaran (Liziana & Mariam, 2014).

Perintah Penandaan Halal telah memperkenalkan dua kaedah dalam membuat perakuan halal berhubung makanan dan barangan import yang dipasarkan di Malaysia (Harlida & Alias, 2014). Pertama, pihak yang mengimport barangan tersebut boleh mendapat perakuan halal daripada JAKIM atau MAIN dan ditandakan dengan logo halal badan ini. Perakuan halal ini boleh diperolehi daripada badan pensijilan halal luar negara dan negara pengeluar yang diiktiraf oleh JAKIM seperti Australia, New Zealand, Belgium, China, Jepun dan Indonesia (Harlida & Alias, 2014; Liziana & Mariam, 2014).

Pelanggaran mana-mana peruntukan tersebut oleh mana-mana pihak dianggap telah melakukan kesalahan di bawah perenggan 8(a) Perintah Penandaan Halal. Jika disabitkan bersalah maka syarikat yang melakukan kesalahan tersebut akan didenda tidak melebihi RM200,000 bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya ialah tidak melebihi RM 500,000. Hukuman bagi individu pula ialah denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya ialah denda tidak melebihi 250,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Akta Makanan 1983

Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturannya seperti Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan Peraturan Kebersihan Makanan 2009 berfungsi sebagai perundangan yang melindungi pengguna dengan memastikan bahawa setiap makanan yang dibekalkan tidak boleh mengandungi unsur-unsur yang membahayakan kesihatan sama ada dari segi penyediaan makanan, penjualan serta penggunaan sesuatu bahan makanan (Zulkifli, 2007). Akta ini memberikan kuasa kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memantau pelabelan makanan, amalan kebersihan dan keselamatan makanan; memastikan makanan tersebut tidak mengandungi bahan yang memudaratkan kesihatan serta sesuai untuk dimakan oleh manusia (Noor 'Ashikin et.al, 2011; Mustafa et.al, 2013; Harlida & Alias, 2014).

Seksyen 13(1) umpamanya merupakan larangan terhadap penyediaan atau penjualan makanan yang memudaratkan. Manakala seksyen 16 melarang penyediaan, pembungkusan, pelabelan, penjualan mana-mana makanan yang salah, mengelirukan serta terdapat unsur-unsur penipuan dari segi aspek karakternya, nilai, kandungan, kualiti, keselamatan, keaslian, berat dan lain-lain. Walaupun halal tidak disebut dengan jelas di dalam Akta, namun peruntukan tersebut turut mengambil kira aspek kebersihan, kesucian, kesihatan dan kualiti makanan yang menepati sebahagian daripada konsep *halalan tayyiban* (Harlida & Alias 2014).

Peraturan-peraturan Makanan 1985

Peraturan-peraturan Makanan 1985 (selepas ini disebut sebagai Peraturan Makanan) mengandungi peraturan yang berkaitan dengan prosedur pengambilan sampel, pelabelan, pembungkusan dan sebagainya. Antara perkara yang dititikberatkan dalam Peraturan Makanan ini ialah perkara berkaitan pelabelan makanan, bahasa yang digunakan, butir pelabelan, bentuk dan cara pelabelan, saiz dan warna huruf, penandaan tarikh, pernyataan mengenai kekuatan ramuan, pembungkusan di premis jualan runcit dan perkara yang dilarang. Walaupun pelabelan halal tidak disentuh dalam peraturan ini tetapi secara tidak

langsung ia turut menyentuh tentang perihal halal (Harlida& Alias 2014) seperti yang termaktub di dalam Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Peraturan Kebersihan Makanan 2009

Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 (selepas ini disebut sebagai Peraturan Kebersihan Makanan) menetapkan hal yang berkaitan dengan kebersihan makanan termasuk premis makanan yang digunakan dalam penyediaan, pengawetan, pembungkusan, penyimpanan, pengiriman, pengedaran atau penjualan apa-apa makanan seperti kilang, restoren dan trak makanan. Peraturan ini juga termasuk pelabelan semula, pemprosesan semula atau pembaikan semula makanan. Peraturan ini turut relevan dalam membincangkan perkara berkaitan dengan konsep *halalan tayyiban* apabila aspek kebersihan dan kesihatan dititikberatkan termasuk premis penyediaan dan pemprosesan sesuatu makanan (Harlida& Alias,2014).

Akta Binatang 1953 (Semakan 2006)

Akta ini berserta Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaaan) 1993 dan peraturan-peraturannya seperti Peraturan Haiwan 1962 dan Perintah (Pengimportan) Haiwan 1962 telah memberikan kuasa kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berhubung penternakan dan kawalan penyakit haiwan terutamanya bagi proses permohonan sijil halal untuk daging import. Ini kerana, telah menjadi syarat bahawa rumah sembelihan di luar negara perlu mendapat pengiktirafan untuk mengimport daging ke Malaysia dan KKM berperanan untuk mengesahkan keselamatan rumah sembelih luar negara yang telah memohon pengiktirafan pensijilan Halal luar Negara.

Sebelum semua daging yang diimport ke Malaysia diiktiraf sebagai Halal,tiga orang pegawai daripada Malaysia akan melawat rumah sembelihan ini; pegawai daripada JPV akan membuat pemeriksaan terhadap keadaan haiwan ternakan tersebut, pegawai daripada Kementerian Kesihatan (KKM) akan memeriksa keselamatan makanan haiwan ternakan serta pegawai daripada JAKIM akan memastikan bahawa prosedur penyembelihan adalah mengikut hukum syarak.

Akta Kastam 1967

Akta Kastam 1967 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)1988 telah memberi kuasa kepada Kastam Diraja Malaysia berhubung isu pengimportan dan kemasukan produk halal daripada luar Negara (Norazilawati,2015) yang telah dijadualkan dalam Jadual 3, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)1988. JAKIM telah dibenarkan membuat pengiktirafan badan pensijilan halal luar negara bagi mengesahkan status halal sumber bahan mentah dan produk siap atau separa siap yang dikeluarkan oleh negara tertentu untuk tujuan pengimportan. Pengimport atau pengeluar produk yang diperakukan sebagai halal oleh badan pensijilan halal luar Negara yang diiktiraf oleh JAKIM hendaklah menandakan produk tersebut dengan logo halal atau nama badan pensijilan tersebut.

Akta Kerajaan Tempatan 1976

Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan seperti Peraturan Premis Makanan serta Pelesenan Perniagaan dan Pengiklanan memberikan bidang kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan dalam memastikan kebersihan premis makanan. Setiap peniaga harus memastikan premis dan makanan yang dijual adalah bersih. Secara tidak langsung pihak berkuasa tempatan dapat membantu mempromosikan kebaikan-kebaikan produk halal yang sepatutnya merangkumi aspek kesihatan (*healthy*), kebersihan &

keselamatan (*clean & safe- hygiene*), berkhasiat (*nutritious*) dan berkualiti (*quality*) (Mohd Romzi, 2015).

Enakmen Jenayah Syariah Negeri

Terdapat undang-undang kesalahan jenayah syaria'ah negeri-negeri yang memperuntukkan kesalahan penyalahgunaan tanda halal (Tun Abdul Hamid,2015; Zulkifli, 2007). Antaranya Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 yang memberikan peruntukan mengenai penandaan makanan halal kepada Jabatan Agama Islam Negeri (Norazilawati,2015) di mana pegawai penguatkuasa agama adalah pihak yang mempunyai bidangkuasa untuk penguatkuasaan undang-undang ini (Zulkifli, 2007).

Seksyen 42 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 umpamanya telah memperuntukkan hukuman kepada mana-mana individu yang mempamerkan mana-mana makanan atau minuman yang tidak halal dengan apa-apa tanda yang menunjukkan bahawa makanan atau minuman itu adalah halal. Jika disabitkan bersalah individu tersebut boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain itu, seksyen 59 (6) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995 mempunyai peruntukan tambahan; apabila menyembelih binatang halal tanpa kebenaran Majlis Agama Islam Negeri Sabah juga merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali (Zulkifli, 2007).

Akta Perlindungan Pengguna 1999

Akta ini memberi perlindungan undang-undang terhadap pengguna selain Akta Jualan Barang 1957 dan Akta Kontrak 1950 (Mustafa et al,2013. Seksyen 8 dan 10 akta ini umpamanya menyatakan apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan pengguna terkeliru dengan penipuan atau pernyataan salah terhadap label halal pada mana-mana produk adalah merupakan satu kesalahan kesalahan yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM250000 untuk kesalahan pertama dan RM500000 bagi kesalahan kedua. Akta ini secara tidak langsung menyentuh perkara berkaitan pelabelan halal (Zulkifli, 2007).

Kanun Keseksaan

Kanun keseksaan juga merupakan undang-undang yang secara tidak langsung boleh dikaitkan dengan perkara produk halal. Seksyen 415 memperuntukkan sesiapa yang secara tidak jujur menarik orang ramai membeli dan membayar barangan dikeluarkan adalah dikira sebagai penipuan dan boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

B) Isu dan Cabaran

Pertindanan Bidang Kuasa Antara Agensi

Dua agensi utama yang sering dikaitkan dengan pensijilan halal di Malaysia adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan *Halal Industry Development Corporation* (HDC). Kedua-dua agensi ini memainkan peranan yang sangat penting kepada industri Halal Malaysia. Bidangkuasa JAKIM lebih tertumpu kepada pensijilan Halal dan pematuhan kepada standard Halal manakala HDC lebih tertumpu kepada pembangunan industri halal tempatan dan global serta pemasaran produk halal (Jafri & Salleh,2015).

“Dia beza bidang tu. JAKIM dia punya bidang jajahan dia pensijilan. Enforcement semua tu JAKIM punya. Enforcement kita bergantung pada APD 2011. HDC ni dia lebih kepada development industry. Dia buat benda lain. tak ada satu pun persamaan kerja, totally different antara dia punya bidang dengan kita punya bidang. Dia development industri, kita pensijilan.”

(Jafri & Salleh, Temu bual, 27 Julai 2015)

Umum mengetahui bahawa JAKIM adalah badan yang terlibat dalam pensijilan dan penguatkuasaan Halal di Malaysia. Namun hakikatnya JAKIM tidak berdiri sendiri dan disokong oleh beberapa agensi lain di mana setiap agensi tersebut mempunyai peranan, bidangkuasa dan perundangan tersendiri (Che Rosmawati, 2015; Norazilawati, 2015, Liziana & Mariam, 2014; Jafri & Salleh, 2015). Antara agensi yang terlibat ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) , Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

“Ini antara undang-undang yang terpakai dalam pensijilan halal yang paling utama dia punya main undang-undang APD 2011. Yang kedua pasal produk yang berkaitan dengan makanan, terikat dengan Akta Makanan. Untuk rumah sembelih terikat Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Peraturan Haiwan 1962 dan untuk produk daging dan tenusu terikat dengan Akta Kastam. Kalau kita tengok Enakmen atau Akta Jenayah Syariah pun ada menyebut kesalahan halal lah. Tapi ikut sebahagian negeri. Kelantan, Terengganu. Pahang, Johor , Selangor dan Kedah. Yang lain tak ada. Dan Akta kecil undang-undang PBT.”

(Jafri & Salleh, temu bual, 27 Julai 2015)

Ini menunjukkan tiada satu undang-undang khas atau akta ibu yang boleh dirujuk berkaitan halal. Perundangan sedia ada adalah terpisah antara satu sama lain (Zalina, 2014; Che Rosmawati, 2015). Maka seharusnya setiap agensi yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang halal ini perlu meningkatkan persefahaman dan kerjasama berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah agensi masing-masing.

Selain itu, terdapat isu teknikal yang dilontarkan oleh Tun Abdul Hamid Mohamad (2015), Mantan Ketua Hakim Negara berkaitan kekeliruan bidang tugas di antara Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Perenggan 3, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 telah melantik MAIN sebagai pihak berkuasa berwibawa selain JAKIM. Tetapi di dalam Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bil. 2 Tahun 2014 (pekeliling terkini berkaitan pensijilan halal), pihak berkuasa berwibawa tersebut telah merujuk kepada MAIN atau JAIN . Menurut beliau, MAIN dan JAIN adalah identiti yang berlainan. MAIN adalah satu perbadanan yang ditubuh oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri manakala JAIN adalah jabatan kerajaan negeri sebagaimana JAKIM yang diletakkan dalam satu jabatan di bawah kerajaan Persekutuan. Maka, perlantikan sebagai pihak berkuasa berwibawa tersebut perlu dinyatakan dengan jelas di dalam Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia bagi mengelakkan kekeliruan bidang kuasa pada masa akan datang walaupun ia bersifat teknikal.

Penyalahgunaan Tanda Halal Sebagai Kesalahan Jenayah Syariah

Halal adalah satu daripada perihal dagangan yang diletakkan di bawah APD 2011 dan di bawah bidangkuasa KPDNKK (Tun Abdul Hamid, 2015). Perkara tersebut diletakkan di

bawah bidangkuasa Persekutuan dan bukan di bawah Jadual Kesembilan Senarai II, Perlembagaan Persekutuan di dalam bidangkuasa Negeri. Walaupun terdapat undang-undang kesalahan jenayah syaria'ah negeri-negeri yang memperuntukkan kesalahan penyalahgunaan tanda halal seperti seksyen 42 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997, namun penalti yang dikenakan terhadap pesalah jenayah tersebut tidak memadai apabila hukuman bagi kesalahan syaria'ah adalah terlalu rendah; denda tidak melebihi RM5,000 berbanding tidak melebihi RM10 juta di bawah ADP 2011. Selain itu, mahkamah Syari'ah hanya mempunyai bidangkuasa terhadap orang yang menganut agama Islam. Maka, sudah pasti peruntukan ini tidak terpakai kepada orang bukan Islam dan syarikat-syarikat milik mereka.

Penguatkuasaan Undang-undang Halal

Sebelum pindaan APD 2011, penguatkuasaan undang-undang terhadap kesalahan berkaitan produk halal dilihat kurang berkesan dan sukar untuk dilaksanakan kerana ia dijalankan oleh dua badan yang berbeza (Zulkifli, 2007). JAKIM hanya bertindak sebagai pemantau, pengesah kesalahan dan menjadi saksi manakala pendakwaan hanya boleh dilakukan oleh KPDNKK (Zulkifli, 2007; Liziana & Mariam, 2014). Walaupun kad kuasa telah diberikan oleh KPDNKK kepada beberapa orang pegawai JAKIM tetapi kad kuasa tersebut hanya membolehkan pegawai JAKIM untuk memasuki premis atau syarikat bagi melakukan penyiasatan dan pemeriksaan. Namun ia tidak melayakkan pihak JAKIM atau JAIN untuk melakukan pendakwaan (Zulkifli, 2007; Liziana & Mariam, 2014).

APD 2011 telah memberikan kuasa kepada JAKIM dan MAIN di mana pegawai JAKIM telah dilantik menjadi Penolong Pegawai Perihal Dagangan dan diberi kad kuasa untuk memberi amaran, menggantung atau menarik balik lesen perniagaan. Kad kuasa ini telah memberikan pegawai JAKIM kuasa yang sama seperti pegawai penguat kuasa KPDNKK. Namun untuk memperolehi sabitan, siasatan dan pendakwaan yang dilakukan mestilah cekap dan mantap (Tun Abdul Hamid, 2015).

Maka cabaran yang perlu dihadapi oleh JAKIM ialah pegawai JAKIM yang terlibat dalam pendakwaan mestilah mempunyai kelayakan untuk beramal di Mahkamah Sivil kerana kuasa pendakwaan produk halal ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil (Zulkifli, 2007). Mereka perlu didedahkan dengan prosedur-prosedur berkaitan pemantauan, penyiasatan, serbuan dan juga undang-undang berkaitan seperti Akta Keterangan dan Kanun Prosedur Jenayah (Mustafa & Azlin 2014; Liziana & Mariam, 2014) selain menghadiri kursus pendakwaan yang dianjurkan oleh KPDNKK (Liziana & Mariam, 2014).

Namun sehingga hari ini belum ada pendakwaan dilakukan oleh pegawai JAKIM mengenai kes-kes halal. Kebanyakan kes pendakwaan telah dilakukan oleh KPDNKK. Ini membawa maksud bahawa penyiasatan dan pendakwaan oleh pihak JAKIM masih belum diuji (Tun Abdul Hamid, 2015). Bagi kesalahan penyalahgunaan tanda halal di bawah seksyen 42 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997, kuasa untuk melakukan pendakwaan adalah terletak pada Ketua Pendakwa Syarie (Zulkifli, 2007; Liziana & Mariam, 2014). Persoalannya adakah kuasa pendakwaan yang telah diberikan kepada pegawai JAKIM benar-benar boleh direalisasikan?

Penggubalan Akta Halal Malaysia

Malaysia merupakan negara yang lebih awal mempelopori industri halal (Zalina, 2004) di rantau Asean ini. Apabila Undang-undang Republik Indonesia Nomor 33 Tahun 2014 tentang Jaminan Produk Halal, iaitu sebuah undang-undang khas berkaitan jaminan produk

halal diluluskan di Indonesia pada awal Januari 2015 lepas, negara republik itu dilihat telah mengambil langkah setapak ke hadapan dalam perundangan halal. Walaubagaimana pun undang-undang tersebut hanya akan dilaksanakan sepenuhnya selepas tiga tahun dari tarikh ia diluluskan. Namun dengan wujudnya satu undang-undang khusus mengenai makanan atau produk halal beberapa isu mengenai halal boleh ditangani dengan baik (Zalina, 2004).

Perbincangan mengenai penggubalan Akta Halal Malaysia bermula sejak 2010 lagi. Kerajaan Malaysia pernah mengumumkan untuk menggubal satu Akta Halal bagi tujuan penyelarasan dan pemantapan peruntukan undang-undang mengenai proses, prosedur serta kawalan pensijilan halal dalam pembentangan bajet tahun 2010 (Ahmad & Zulzaidi, 2012). Namun sehingga hari ini, akta berkenaan masih belum dibentangkan di Parlimen untuk menjadi sebuah undang-undang (Ahmad & Zulzaidi, 2012).

Cadangan Akta Halal ini antara lain bertujuan untuk memberi kuasa mutlak kepada JAKIM dalam memantau pensijilan halal dan penguatkuasaan undang-undang (Zalina,2004). Dengan kuasa yang diberikan ini, beberapa inisiatif boleh dilakukan oleh JAKIM seperti mewajibkan syarikat-syarikat, orang perseorangan, kilang-kilang, rumah penyembelihan untuk mendapatkan dan menggunakan logo halal (Zalina, 2004). Setakat ini permohonan sijil dan logo halal adalah dilakukan secara sukarela. Selain itu, meletakkan seorang pegawai agama sepenuh masa yang dibayar gaji untuk menyelia proses pengeluaran makanan halal dengan lebih berkesan agar penyalahgunaan sijil dan logo halal tidak berlaku (Zalina, 2004). Seterusnya mewajibkan pengeluar meletakkan label pada setiap produk yang dihasilkan dari bahan yang tidak halal bagi mengelakkan pengguna Muslim terpedaya dengan produk tidak halal tersebut(Zalina, 2004). Malah pengusaha pusat penyembelihan adalah diwajibkan menghadiri kursus penyembelihan yang mengikut syariat Islam(Zalina, 2004).

Selain itu akta tersebut bertujuan untuk menyelaraskan beberapa perkara yang berkaitan halal yang selama ini berada di bawah bidang kuasa pelbagai kementerian dan agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian, Kastam, dan pihak berkuasa tempatan. (Ahmad Hidayat & Zulzaidi, 2012). Maka pegawai JAKIM dijangka akan mempunyai bidang kuasa sendiri dan tidak perlu lagi bergantung pada KPDNKK (Zalina,2004). Seharusnya sebagai badan yang berautoriti dalam pengeluaran sijil halal, JAKIM bukan sahaja perlu diberi kuasa penguatkuasaan tetapi termasuk kawalan, pemeriksaan, pemantauan, pendidikan undang-undang halal (Zalina,2004) dan program-program kesedaran untuk pengusaha dan pengguna (Liziana & Mariam, 2014).

Walau bagaimanapun menurut JAKIM, undang-undang sedia ada telah mencukupi untuk menangani isu berkaitan industri halal di Malaysia (Jafry & Salleh 2015). Malah tiada keperluan mendesak untuk menggubal satu akta khas berkaitan halal.

“ Tidak perlu Akta Halal. Tidak perlu satu akta tunggal. Akta sedia ada sudah memadai”

(Jafri & Salleh, Temu bual, 27 Julai 2015)

Namun HDC menyambut baik akan cadangan mewujudkan Akta Halal tersebut tetapi akta ini mesti memberi fokus kepada industri halal secara keseluruhan. Isu Halal seharusnya menjangkaui undang-undang yang sedia ada kerana pada asasnya ada 4 perkara utama yang perlu diberikan perhatian berkaitan produk makanan halal iaitu aspek kesihatan (*healthy*), kebersihan & keselamatan (*clean & safe- hygiene*), berkhasiat (*nutritious*) dan berkualiti (*quality*).

“Ia mestilah memberi fokus kepada industri Halal secara keseluruhan”

“...Sepatutnya undang-undang halal perlu mempromosikan kebaikan-kebaikan produk halal.”

(Mohd Romzi, Temu bual, 27 April 2015)

Penggubalan Akta Halal ini dilihat mempunyai kekangannya yang tersendiri. Antara masalah yang dijangka timbul ialah melibatkan isu perlembagaan apabila perkara yang berkaitan dengan agama Islam akan diletakkan di bawah bidang kuasa negari. Satu kesefahaman dan kompromi yang tinggi antara negeri-negeri amatlah diperlukan jika semua pihak mahu melihat cadangan Akta Halal ini menjadi undang-undang yang boleh dikuatkuasakan dengan baik (Ahmad Hidayat & Zulzaidi, 2012) kerana cadangan Akta Halal ini dilihat akan mengambil beberapa bidang kuasa sedia ada di agensi-agensi berkaitan untuk diletakkan sepenuhnya di bawah JAKIM (Ahmad Hidayat & Zulzaidi, 2012).

Sementara itu salah satu cadangan ialah dengan mewujudkan Suruhanjaya Halal yang akan berfungsi untuk mengawal selia dan memantau segala urusan berkaitan Halal dan pada masa yang sama menjalankan pemantauan berkala terhadap produk-produk halal yang ada di pasaran (Mustafa et.al, 2013). Secara tidak langsung Suruhanjaya Halal ini boleh menaik taraf fungsi dan peranan dan JAIN dan Bahagian Hub Halal di JAKIM (Mustafa et.al, 2013).

KESIMPULAN

Walaupun undang-undang berkaitan makanan dan produk halal di Malaysia tidak menyeluruh dan diletakkan di bawah akta yang berbeza-beza, namun peruntukan tersebut dilihat sudah mencukupi. Namun beberapa penambahbaikan perlu diberi perhatian seperti meningkatkan persefahaman dan kerjasama antara agensi terbabit dalam penguatkuasaan undang-undang berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah agensi masing-masing, penjelasan fungsi MAIN dan JAIN dalam membantu JAKIM, merealisasikan kuasa pendakwaan yang telah diberikan kepada pegawai JAKIM dan penggubalan Akta Halal pada masa hadapan. Cadangan akademia dalam kajian mereka untuk diwujudkan Suruhanjaya Halal yang akan berfungsi untuk mengawal selia dan memantau segala urusan berkaitan Halal serta menjalankan pemantauan berkala terhadap produk-produk halal yang ada di pasaran juga dianggap relevan. Isu-isu berbangkit dari semasa ke semasa berkaitan undang-undang halal perlu ditangani dengan baik demi memastikan industri halal mampu bergerak maju dan berkembang dengan baik di Malaysia.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah salah satu hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) Fasa 1, 2015; Geran Penyelidikan Primer (GPP), Kolej Universiti Islam Selangor.

RUJUKAN

- Abdul Raufu Ambali & Ahmad Naqiyuddin Bakar. 2014. People's Awareness on Halal Products: Potential Issues for Policy-Makers. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. 121:3-25.
- Ahmad Hidayat Buang & Zulzaidi Mahmud. 2012. Isu dan Cabaran Badan Pensijilan Halal di Malaysia. *Shariah Journal*. 20(3):271-288.
- Baharudin Othman. (2014). Why do food industry need Halal Assurance Management System? A Malaysian approach. *Proceeding 5th Annual Conference, International Graduate Conference on Engineering, Science and Humanities 2014*.
- Che Rosmawati Che Mohd Zaina, Suhaimi Ab Rahman, Zahira Mohd Ishak & Shamrahayu. 2015. Jurisdiction and Prosecution of Halal Matters in Malaysia: Challenges and Prospect. *Procedia- Social and Behavioral Science*. 172:294-300.
- Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar. 2014. HalalanTayyiban dalam Kerangka Perundangan Malaysia. *KANUN*. 1:103-120
- Liziana Kamarul Zaman & Mariam Setapa. 2014. Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Akta Perihal Dagangan 2011.
- Mohd Al'Ikhsan Ghazali & Siti Salwa Md. Sawaria. 2014. Amalan Standard Halal Di Negara-Negara Asia Tenggara. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 1: 35-44.
- Mohd Al'Ikhsan Ghazali & Siti Salwa Md. Sawaria. 2015. Standard Piawaian Halal di Malaysia Menurut Perundangan, Kelebihan dan Kekurangan. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 2: 56-61.
- Mustafa ' Afifi Ab Halim & Azlin Alisa Ahmad. 2014. Enforcement of Consumer Protection Laws on Halal Products: Malaysian Experience. *Asian Social Science*. 10(3):9-14.
- Noor 'Ashikin Hamid, Nur Amani Pauzai & Shariffah Nuridah Aishah Syed Nong. 2011. Konsep Kepenggunaan Mengikut Syariah Dan Aplikasinya Dalam Perundangan Di Malaysia. *Kanun*. 23(1):1-20
- Norazilawati Md Dahlal. 2015. Pengurusan Kualiti Makanan Halal. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Temu bual dengan Mohd Romzi Sulaiman, Senior Manager, Global Support Centre, di Halal Industry Development Corporation (HDC), Petaling Jaya pada 27 April 2015.
- Temu bual dengan Mohd Salleh & Jafri, Bahagian Dasar Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Halal Hub Division, JAKIM, Putrajaya pada 27 Julai 2015.
- Tun Abdul Hamid Mohamad. 2015. Pembangunan Industri Halal Di Malaysia Daripada Sudut Perundangan. Dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Ekonomi Dan Kewangan Islam 2015 (CMIEF 2015).
- Zalina Zakaria. 2004. Keberkesanan Undang-undang Makanan dan Produk Halal di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 12(2): 95-106.
- Zalina Zakaria. 2008. Tapping Into World Halal Market: Some Discussion on Malaysian Laws and Standards. *Jurnal Syariah (Special Edition)*. 16(16): 603-616.
- Zalina Zakaria & Siti Zubaidah . 2014. The Trade Description Act 2011: Regulating "Halal" in Malaysia. *Proceeding paper on International Conference on Law Management and Humanitarian*. June 21-22, 2014. Bangkok (Thailand).
- Zalina Zakaria & Siti Zubaidah Ismail. 2015. Perkembangan Pengaturan Halal Menerusi Akta Perihal Dagangan 2011 Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 23 (2) :189-216
- Zulkifli Hassan. 2007. Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Isu Penguatkuasaan dan Pendakwaan. *Konvensyen Kebangsaan Undang-undang: Isu Penguatkuasaan dan Pendakwaan*. 11-12 Ogos 2007. 1-21.

Statut

Akta Binatang 1953 (Semakan 2006)

Akta Kastam 1967

Akta Kerajaan Tempatan 1976

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997

Akta Makanan 1983

Akta Perihal Dagangan 2011

Akta Perlindungan Pengguna 1999

Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaaan) 1993

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995

Kanun Kesiksaan

Peraturan Haiwan 1962

Peraturan Kebersihan Makanan 2009

Peraturan-peraturan Makanan 1985

Peraturan Premis Makanan

Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)1988

Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011

Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011

Perintah (Pengimportan) Haiwan 1962

Undang-undang Republik Indonesia Nomor 33 Tahun 2014 tentang Jaminan Produk Halal